

01 JAN 1997

PM-Muhammad

BPR MASIH BOLEH PANGGIL MUHAMMAD JIKA MAHU, KATA PM

KUALA TERENGGANU, 1 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) masih boleh memanggil Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berhubung kes penahanan beliau di Australia kerana tidak mengisytiharkan wang tunai bernilai RM2.4 juta ketika hendak meninggalkan negara itu 22 Disember lepas.

Menurut Perdana Menteri, BPR masih boleh berbuat demikian jika ia berpendapat Menteri Besar Selangor itu masih perlu disiasat berhubung kes berkenaan.

"Itu hak dia (BPR)," katanya ketika menjawab soalan wartawan pada sidang media di kediaman Menteri Besar Terengganu di sini malam ini. Perdana Menteri adalah dalam rangka lawatan peribadi selama dua hari ke negeri ini.

Kepada soalan sama ada beliau berpuas hati dengan penjelasan Muhammad berhubung pemilikan wang tunai yang dibawanya ketika ditangkap di Brisbane serta tujuan beliau berbuat demikian, Perdana Menteri berkata:

"Saya tiada sebab untuk menolak penjelasan beliau. Muhammad mempunyai segala dokumen bagi menyokong penjelasan itu, termasuk surat peguam (berhubung urusan pembelian hartanah di Australia)."

Muhammad yang akan dibicarakan di Australia Mac depan berhubung kes itu telah memberi penjelasan mengenainya kepada Dr Mahathir, Sultan Selangor dan akhir sekali kepada umum menerusi media massa.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno seterusnya berkata, beliau sendiri tidak tahu kenapa jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) tidak turun ke padang secara besar-besaran bagi membantu calon BN Mohd Yusoff Hamzah menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kawasan Pulau Chondong 6 Januari ini.

"Saya telahpun mengeluarkan arahan kepada semua pihak termasuk anggota Umno dari kalangan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) supaya memberikan kerjasama bagi menjamin kemenangan Mohd Yusoff," katanya ketika menjawab kemusykilan wartawan tentang ketiadaan tokoh-tokoh besar BN, khususnya dari Kelantan sendiri tampil berkempen sejak hari penamaan calon 26 Disember lepas.

Wartawan mempersoalkan kenapa Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa dibiarkan seperti "lone ranger" bertungkus-lumus berkempen bagi menjamin kemenangan calon BN itu. Selain Annuar, tokoh tempatan Kelantan yang kelihatan begitu bersungguh dalam kempen hanyalah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad.

Dr Mahathir mengingatkan, BN tidak seharusnya bersikap terlalu yakin akan mencapai kemenangan dalam pilihan raya kecil itu.

"Bukan mudah bagi kita hendak menang. Oleh itu, sukalah saya ingatkan semula agar semua pihak dalam BN menumpukan seluruh tenaga di Pulau Chondong," tegas beliau.

Mengenai penyusunan semula Perwaja, Perdana Menteri berkata, adalah lebih baik jika format pemegang ekuiti yang ada di syarikat besi waja negara itu diteruskan iaitu sebanyak 51 peratus dipegang oleh Maju Holdings.

"Jika tidak ada pihak lain yang sanggup tampil maka kerajaan terpaksa memegang baki ekuiti sebanyak 49 peratus lagi itu, dan jika ada pihak lain tampil, kerajaan bersedia mengagihkan sebahagian daripada ekuiti yang dimiliki kerajaan itu," katanya.

Menurutnya, di bawah penyusunan semula Perwaja, yang sebelum ini

mengalami kerugian lebih RM2.8 bilion, kedudukan kerugian itu akan dipisahkan kerana kerajaan mahu Perwaja beroperasi semula "on a clean slate".

Ini, katanya, bermakna segala kerugian yang ditanggung Perwaja sebelum ini akan "diambil alih" oleh kerajaan dan kerajaan akan berusaha untuk mendapatkan semula kerugian itu daripada punca-punca lain.

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri, langkah kerajaan mengambil alih kerugian itu bukan bermakna kerajaan akan menyuntik modal baru atau modal tambahan ke dalam Perwaja di bawah pengurusan sekarang.

"Kita hanya sekadar mengambil alih kerugian itu," ujar beliau.

Sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur lewat malam ini, Dr Mahathir turut melancarkan program Tahun Melawat Terengganu 1997 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini.

Hadir sama pada majlis itu ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar Terengganu Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad.

Upacara berwarna-warni itu, yang dihadiri kira-kira 10,000 orang, disulami dengan pelbagai pertunjukan yang memmanifestasikan budaya rakyat Terengganu yang terkenal dengan jolokan "Negeri Cantik Budaya Menarik". --
BERNAMA

AM OBA